

Sejarah Melaka

YANG GEMILANG

Kerajaan Melayu Melaka dahulu merupakan sebuah kerajaan yang bertunjangkan sistem kesultanan dan orang besar-besar Melayu semata-mata. Raja-raja Melayu di Melaka itu berasal dari Singapura (Temasik), iaitu setelah kerajaan Melayu Singapura dikalahkan oleh orang-orang Siam (Thai). Kerajaan Melayu di Melaka telah wujud selama lebih seabad, iaitu dari kurun Masihi yang ke-14 hingga awal Masihi yang ke-16,

Hal ehwal dan pergolakan di Melaka pada zaman pemerintah setiap sultan diperincikan dengan jelas dalam buku ini. Selain itu, pembaca dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang keadaan perhubungan di antara kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan Melayu yang lain.



tepatnya dari tahun 1394 hingga tahun 1511.

Dari sebuah kampung yang tidak dikenali, berkat usaha raja-raja dan orang-orang besar Melayu yang memerintah di situ, dalam masa tidak berapa lama, Melaka telah bertukar dengan pesatnya menjadi pusat bandar perniagaan dan perdagangan yang

dalam hikayat *Sejarah Melayu*, tetapi oleh sebab didapati nama dan hal ehwal dua tiga orang raja yang mula memerintah di Melaka itu tidak jelas huraiannya, tambahan pula kerana kisah raja-raja itu yang jelas dan teratur didapati disebutkan dalam riwayat China dan Portugis, maka kisah kerajaan Melayu Melaka

Sultan Muzaffar Syah (1446-1456), Sultan Mansur Syah (1456-1477), Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488), dan akhirnya Sultan Mahmud Syah (1488-1511).

Hal ehwal dan pergolakan di Melaka pada zaman pemerintah setiap sultan diperincikan dengan jelas dalam buku ini. Selain itu, pembaca dapat mengetahui

Seluruh kisah sejarah kerajaan Melayu Melaka yang dihasilkan dalam buku ini ialah kisah negeri itu sejak mula dibuka oleh raja yang bernama Permaisura (Parameswara) dan kemudiannya memeluk agama Islam dan memakai gelaran Permaisura Iskandar Shah.

dikenali dan dikunjungi oleh para pedagang dari pelbagai pelosok dunia seperti India, Parsi, Arab, Cina, Pegu bahkan orang Eropah dari Portugis. Melaka juga menjadi pusat penyebaran agama Islam di seluruh Nusantara dan mempunyai beberapa kerajaan takluk di bawahnya. Sejak kejatuhan kekuasaan kerajaan Sriwijaya dan Majapahit pada kurun Masihi ke-14, kerajaan Melaka telah bangkit untuk menggantikan kekuasaan bangsa Melayu di Nusantara.

Walaupun kisah sejarah kerajaan Melayu Melaka telah ditulis dengan panjang lebar oleh Tun Seri Lanang

itu disusun semula dan lengkap dengan tarikh agar lebih jelas dan mudah untuk difahami.

Seluruh kisah sejarah kerajaan Melayu Melaka yang dihasilkan dalam buku ini ialah kisah negeri itu sejak mula dibuka oleh raja yang bernama Permaisura (Parameswara) dan kemudiannya memeluk agama Islam dan memakai gelaran Permaisura Iskandar Shah. Selepas itu, bergilir-gilirlah anak cucu dan zuriat keturunan baginda memerintah di Melaka, iaitu Sultan Megat Iskandar Shah (1414-1424), Seri Maharaja atau Sultan Muhammad Shah (1424-1444), Sultan Abu Syahid (1444-1446),

dengan lebih jelas tentang keadaan perhubungan di antara kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan Melayu yang lain seperti Pahang, Kelantan, Terengganu, Perak, Selangor, Kedah, Johor (Batu Pahat dan Muar), dan lain-lain negeri. Kerajaan Melayu Melaka yang telah didirikan oleh orang-orang Melayu dan pernah mencapai kegemilangan tidaklah dapat dibanggakan oleh orang Melayu sekiranya tidak mengetahui kisah sejarahnya yang telah berlaku. Bab terakhir dalam buku ini menceritakan kisah Sultan Mahmud Syah menentang penjajah Portugis sehingga akhir hayat baginda.

Diharapkan sejarah kerajaan Melayu Melaka yang telah dibukukan ini, dapatlah digunakan oleh masyarakat untuk mengetahui perjuangan dan kisah kegemilangan kerajaan dahulu dan dapat digunakan sebagai cermin perbandingan untuk mempertahankan kedaulatan dan kestabilan negara. DB

Judul : *Sejarah Melaka*
Penulis : Buyong Adil
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka
Tahun : 2020
Harga : RM 15
Pengulas: Muhamad Hafizi Abd Rani